



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 75  
No. 27

**7hb Julai 2022**

*TAMBAHAN*  
*No. 3*

---

---

## RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang yang berikut, yang akan dibentangkan dalam Dewan Negeri Selangor, adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bill, about to be introduced in the State Legislative Assembly of Selangor, is published for general information:

	Muka Page
Enakmen Tatacara <i>Mal</i> Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2022	23
Syariah Court Civil Procedure (State of Selangor) (Amendment) Enactment 2022	41

## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2022.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 3**

2. Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 4 tahun 2003*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dalam subseksyen 3(1)—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “Enakmen Pentadbiran” takrif yang berikut:

‘“hadir” termasuklah kehadiran oleh mana-mana orang secara teknologi komunikasi jarak jauh sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah;’

2

*Rang Undang-Undang*

(b) dalam takrif “Hakim” atau “Hakim Syarie”, dengan memasukkan selepas perkataan “Ketua Hakim Syarie,” perkataan “Hakim Mahkamah Rayuan Syariah,”;

(c) dengan menggantikan takrif “Mahkamah” atau “Mahkamah Syariah” dengan takrif yang berikut:

‘ “Mahkamah” atau “Mahkamah Syariah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah subseksyen 55(1), (2) atau (3) Enakmen Pentadbiran;’;

(d) dengan menggantikan takrif “Pendaftar” dengan takrif yang berikut:

‘ “Pendaftar” ertinya—

(a) Ketua Pendaftar dan Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah;

(b) Pendaftar dan Timbalan-Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah; atau

(c) Penolong Kanan Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah,

mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilantik di bawah Enakmen Pentadbiran;’; dan

(e) dengan memasukkan selepas takrif “penghutang penghakiman” takrif yang berikut:

‘ “teknologi komunikasi jarak jauh” ertinya apa-apa cara komunikasi elektronik termasuk e-mel, aplikasi sidang video atau rangkaian video atau apa-apa saluran digital lain yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah.’.

---

---

*Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor)* 3  
(Pindaan)

**Pindaan seksyen 7**

3. Subseksyen 7(1) Enakmen ibu dipinda dengan memotong perkataan “atau mana-mana undang-undang bertulis lain”.

**Pemotongan seksyen 7A**

4. Enakmen ibu dipinda dengan memotong seksyen 7A.

**Seksyen baharu 7B**

5. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 7A seksyen yang berikut:

**“Pengecualian untuk memulakan prosiding *mal***

**7B.** Walau apa pun apa-apa jua dalam Bahagian ini, jika tatacara bagi suatu permohonan telah ditetapkan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang terpakai kepada Mahkamah, permohonan itu hendaklah dibuat mengikut undang-undang itu dan apa-apa tatacara yang tidak dinyatakan dalam undang-undang itu hendaklah dijalankan mengikut Enakmen ini.”.

**Pindaan seksyen 34**

6. Seksyen 34 Enakmen ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “, di hadapan Mahkamah atau Pendaftar”;

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “prosiding itu” dengan perkataan “prosiding di setiap Mahkamah”; dan

4

*Rang Undang-Undang*

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Pelantikan seseorang Peguam Syarie di bawah subseksyen (1) hendaklah diterima di semua peringkat Mahkamah yang mendengar kes itu sehingga kes itu diputuskan secara muktamad oleh Mahkamah yang lebih tinggi, melainkan jika kuat kuasa *wakalah* itu tamat di bawah Bahagian ini.”.

**Pindaan seksyen 36**

7. Seksyen 36 Enakmen ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

**“Penukaran Peguam Syarie”**; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika suatu pihak berhasrat untuk menukar Peguam Syariannya, dia hendaklah—

(a) memfailkan suatu notis penukaran dalam Borang MS 6; dan

(b) menyampaikan satu salinan notis itu kepada Peguam Syarie terdahulu dan semua pihak tidak kurang daripada dua hari dari tarikh pendengaran kes.”.

*Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor)* 5  
(Pindaan)

**Penggantian seksyen 37**

8. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 37 dengan seksyen yang berikut:

**“Pelepasan Peguam Syarie atas permintaan pihak-pihak**

37. (1) Jika suatu pihak berhasrat untuk melepaskan Peguam Syariennya, dia hendaklah memfailkan suatu notis pelepasan dalam Borang MS 7 dan menyampaikan satu salinan notis itu kepada semua pihak.

(2) Notis pelepasan di bawah subseksyen (1) hendaklah disampaikan kepada Peguam Syarie yang mewakili sesuatu pihak itu tidak kurang daripada dua hari dari tarikh pendengaran kes.”.

**Pindaan seksyen 38**

9. Seksyen 38 Enakmen ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

**“Pelepasan atas permintaan Peguam Syarie”;**

(b) dengan menggantikan perkataan “memohon” dengan perkataan “berhasrat”;

(c) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “suatu salinan” dengan perkataan “satu salinan”; dan

(d) dengan memasukkan selepas perkataan “diwakilinya” perkataan “tidak kurang daripada dua hari dari tarikh pendengaran kes.”.

6

*Rang Undang-Undang***Seksyen baharu 38A**

**10.** Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 38 seksyen yang berikut:

**“Kuat kuasa penukaran dan pelepasan Peguam Syarie**

**38A.** (1) Penukaran Peguam Syarie di bawah seksyen 36 dan pelepasan Peguam Syarie di bawah seksyen 37 dan 38 tidak boleh berkuat kuasa kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

(2) Kebenaran Mahkamah di bawah subseksyen (1) hendaklah tidak melepaskan mana-mana pihak daripada apa-apa tuntutan sivil yang boleh diambil di bawah mana-mana undang-undang bertulis terhadap pihak yang satu lagi disebabkan oleh kecuaiian atau kegagalan sesuatu pihak itu menjalankan tanggungjawab selepas *wakalah* disempurnakan antara pihak-pihak.”.

**Pindaan seksyen 39**

**11.** Seksyen 39 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu subseksyen yang berikut:

“(2) Walau apa pun subseksyen (1), dalam hal kematian sesuatu pihak selepas perbincaraan tetapi sebelum penghakiman diumumkan atau dicatatkan, *wakalah* Peguam Syarie yang mewakili pihak itu hendaklah terus berkuat kuasa melainkan jika Peguam Syarie itu memfailkan suatu notis penarikan diri di bawah seksyen 38.”.

---

---

*Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor)* 7  
*(Pindaan)*

**Pindaan seksyen 48**

**12. Seksyen 48 Enakmen ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa atas apa-apa alasan yang mencukupi saman atau dokumen lain tidak dapat disampaikan secara biasa, Mahkamah boleh memerintahkan supaya saman atau dokumen lain itu disampaikan—

(a) dengan menampalkan satu salinannya di suatu tempat yang mudah dilihat di premis terakhir orang yang kepadanya saman atau dokumen itu hendak disampaikan yang diketahui;

(b) melalui pos berdaftar kepada orang yang kepadanya saman atau dokumen itu hendak disampaikan, di alamat terakhirnya yang diketahui; atau

(c) mengikut apa-apa cara lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah.”; dan

- (b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “subseksyen (1)” perkataan “atau sebagai tambahan kepada perintah di bawah subseksyen (1)”.

**Pindaan seksyen 100**

**13. Seksyen 100 Enakmen ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

**“Keterangan secara lisan atau bertulis”;**



8

*Rang Undang-Undang*

- (b) dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu subseksyen yang berikut:

“(2) Walau apa pun subseksyen (1), Mahkamah boleh, pada masa atau sebelum perbicaraan apa-apa prosiding, memerintahkan supaya keterangan utama pihak-pihak atau saksi dikemukakan dalam suatu pernyataan bertulis dan disahkan semasa perbicaraan di hadapan Hakim, jika dalam hal keadaan kes itu adalah difikirkannya munasabah untuk memerintahkan sedemikian.”.

**Pindaan seksyen 109****14. Seksyen 109 Enakmen ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

**“Kehadiran orang yang dikurung, ditahan atau dikomit sebagai saksi atau pihak”;**

- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Sesuatu permohonan untuk mendapat suatu perintah supaya seseorang yang dikurung atau ditahan atau dikomit di dalam tempat tahanan dikemukakan di hadapan Mahkamah boleh dibuat di hadapan Pendaftar secara *ex parte* melalui notis dalam Borang MS 24 dan disokong dengan affidavit.”; dan

*Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor)* 9  
(Pindaan)

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Bagi maksud subseksyen (1), “tempat tahanan” termasuklah —

- (a) penjara, rumah reman atau mana-mana institusi pemulihan yang disiarkan dalam *Warta* oleh Kerajaan Persekutuan;
- (b) pusat pemulihan diluluskan atau rumah diluluskan yang diwartakan oleh Majlis; atau
- (c) mana-mana tempat seseorang itu dikurung, ditahan atau dikomit mengikut undang-undang yang berkuat kuasa.”.

**Pindaan seksyen 112**

**15.** Seksyen 112 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) di negeri lain di Malaysia, di hadapan Hakim Syarie atau Pendaftar bagi Mahkamah Syariah di negeri itu; atau”.

**Seksyen baharu 119A**

**16.** Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 119 seksyen yang berikut:

**“Pendengaran melalui teknologi komunikasi jarak jauh**

**119A.** (1) Walau apa pun seksyen 119, apa-apa prosiding boleh, demi kepentingan keadilan, didengar dan diputuskan melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh dari mana-mana tempat.

10

*Rang Undang-Undang*

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pihak-pihak hendaklah berada di tempat yang dibenarkan oleh Mahkamah.

(3) Dalam seksyen ini, “tempat” termasuklah ruang siber, ruang maya atau tempat maya.”.

**Seksyen baharu 121A**

17. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 121 seksyen yang berikut:

**“Perintah dan arahan bagi penyelesaian prosiding yang adil, cepat dan ekonomi**

**121A.** Mahkamah boleh, pada bila-bila masa selepas permulaan prosiding, memerintahkan mana-mana pihak kepada prosiding itu untuk hadir di hadapannya atau Pendaftar bagi menjalani suatu pengurusan kes untuk menjamin penyelesaian prosiding yang adil, cepat dan ekonomi.”.

**Pindaan seksyen 142**

18. Subseksyen 142(3) Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “disampaikan” perkataan “atau Peguam Syariyenya”.

**Pindaan seksyen 208**

19. Seksyen 208 Enakmen ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) mendengar dan meluluskan penyampaian di bawah Bahagian VI;

---

---

*Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor)* 11  
(Pindaan)

(ab) memberikan apa-apa arahan berhubung dengan pengurusan kes sebelum perbicaraan termasuk—

(i) melanjutkan atau mengurangkan apa-apa tempoh masa bagi melaksanakan apa-apa tindakan atau prosiding; atau

(ii) menolak atau membatalkan apa-apa prosiding;”;

(b) dalam perenggan (e), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

“(ea) memerintahkan pengemukaan seseorang yang berada di dalam tempat tahanan di bawah seksyen 109;

(eb) menjalankan kewajipan seorang bailif;

(ec) mentaksir kos yang dikenakan oleh Mahkamah; dan”.

### **Pindaan seksyen 221**

**20.** Subseksyen 221(3) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “wang tunai” dengan perkataan “apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah”.

### **Pindaan seksyen 222**

**21.** Seksyen 222 Enakmen ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1); dan

12

*Rang Undang-Undang*

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu subseksyen yang berikut:

“(2) Walau apa pun subseksyen (1), Pendaftar boleh, mengikut budi bicaranya, mengawardkan kos bagi prosiding yang dikendalikan di bawah perenggan 208 (a), (aa) dan (ab).”.

**Pindaan seksyen 237**

**22.** Seksyen 237 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) Suatu jaminan yang diberikan melalui bon di bawah subseksyen (5) hendaklah dalam Borang MS 52.”.

**Seksyen baharu 245A**

**23.** Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 245 seksyen yang berikut:

**“Penubuhan perkhidmatan elektronik**

**245A.** Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah boleh, dengan kelulusan Ketua Hakim Syarie, menubuhkan apa-apa perkhidmatan elektronik bagi maksud melaksanakan peruntukan Enakmen ini.”.

**Pindaan seksyen 247**

**24.** Subseksyen 247(1) Enakmen ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (d), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan;

(b) dalam perenggan (e), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan koma bernoktah; dan

*Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 13*  
*(Pindaan)*

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

“(f) tatacara prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh;

(g) tatacara mengenai pengurusan kes sebelum perbicaraan;

(h) tatacara penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah; dan

(i) perkara-perkara lain yang difikirkan perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Enakmen ini.”.

**Seksyen baharu 247A**

**25.** Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 247 seksyen yang berikut:

**“Arahan Ketua Hakim Syarie**

**247A.** Ketua Hakim Syarie boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan patut bagi tujuan melaksanakan peruntukan dalam Enakmen ini.”.

**Pindaan Jadual Pertama**

**26.** Jadual Pertama kepada Enakmen ibu dipinda dalam butiran di bawah tajuk “TULISAN DALAM BAHASA ARAB BAGI PERKATAAN DAN UNGKAPAN TERTENTU” dengan menggantikan perkataan “*‘eddah*” dengan perkataan “*‘iddah*”.

14

*Rang Undang-Undang***Kecualian dan peralihan**

27. Semua kaedah, pemberitahuan, notis, borang, kebenaran, pelantikan, perintah dan arahan yang dibuat atau dikeluarkan di bawah atau menurut kuasa mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang dimansuhkan menurut kuasa Enakmen ini hendaklah, setakat yang kaedah, pemberitahuan, notis, borang, kebenaran, pelantikan, perintah dan arahan itu tidak bertentangan dengan Enakmen ini, terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau digantikan oleh kaedah, pemberitahuan, notis, borang, kebenaran, pelantikan, perintah dan arahan yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Enakmen ini.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (“Enakmen No. 4 tahun 2003”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 3(1) dengan memasukkan takrif “hadir” dan “teknologi komunikasi jarak jauh” dan meminda takrif “Hakim” atau “Hakim Syarie”, “Mahkamah” atau “Mahkamah Syariah” dan “Pendaftar” selaras dengan pindaan yang dibuat kepada Enakmen No. 4 tahun 2003.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 7(1) selaras dengan pindaan yang memasukkan seksyen baharu seksyen 7B ke dalam Enakmen No. 4 tahun 2003.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memotong seksyen 7A selaras dengan pindaan yang memasukkan seksyen baharu seksyen 7B ke dalam Enakmen No. 4 tahun 2003.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk mengadakan seksyen baharu seksyen 7B bagi membolehkan prosiding yang telah dinyatakan tatacara secara khusus dalam undang-undang bertulis lain dijalankan mengikut tatacara yang telah ditetapkan dalam undang-undang itu.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 34 bagi memudahkan proses pelantikan Peguam Syarie tanpa perlu melafazkan *wakalah* di hadapan Pendaftar dan bagi menjelaskan keperluan setiap *wakalah* itu difailkan di setiap peringkat Mahkamah agar *wakalah* tersebut direkodkan dalam setiap fail kes.

*Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 15  
(Pindaan)*

*Fasal* ini juga memasukkan subseksyen baharu 34(3) bagi membolehkan seseorang Peguam Syarie yang telah dilantik bagi sesuatu kes, bertindak bagi pihak anak guamnya dalam suatu prosiding lain yang berkaitan dengan kes terdahulu sehingga kes itu diputuskan secara muktamad oleh mahkamah yang lebih tinggi, tanpa memerlukan *wakalah* yang baharu melainkan jika kuat kuasa *wakalah* itu telah tamat menurut seksyen 36, 37, 38 dan 39 Enakmen No. 4 tahun 2003.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 36 bagi penetapan tempoh dua hari supaya selaras dengan pindaan seksyen 38.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 37 bagi menyelaraskan penggunaan perkataan “berhasrat” sebagaimana yang terdapat dalam seksyen 36 dan bagi penambahbaikan struktur ayat.

*Fasal* ini juga menetapkan tempoh bagi penyampaian notis pelepasan Peguam Syarie, yang difailkan oleh sesuatu pihak, kepada Peguam Syarie yang mewakili pihak yang satu lagi.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 38 bagi mengelakkan penarikan diri sebagai Peguam Syarie dibuat tanpa pengetahuan anak guam.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk mengadakan seksyen baharu seksyen 38A bagi menjelaskan bahawa penukaran dan pelepasan Peguam Syarie hanya boleh berkuat kuasa dengan kebenaran Mahkamah.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 39 bagi menjelaskan bahawa dalam hal orang yang diwakili oleh Peguam Syarie meninggal dunia selepas perbicaraan tetapi sebelum penghakiman diumumkan atau dicatatkan, *wakalah* Peguam Syarie masih berkuat kuasa.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 48 bagi mengadakan peruntukan tentang pengeluaran prosedur penampalan saman atau apa-apa dokumen mahkamah dan membolehkan penyampaian ganti dibuat.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 100 bagi membolehkan penggunaan pernyataan bertulis ke atas pihak-pihak dan saksi dalam Mahkamah.

15. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 109 bagi meluaskan pemakaian seksyen ini bagi tujuan pengemukaan seseorang yang dikurung, ditahan atau dikomit di dalam mana-mana tempat tahanan dan memberi kuasa kepada Pendaftar serta mengurangkan bebanan Hakim dalam mendengar permohonan kes tersebut.



16

*Rang Undang-Undang*

*Fasal* ini juga memasukkan subseksyen baharu 109(1A) bagi mengadakan takrif “tempat tahanan” yang termasuklah penjara, rumah reman, mana-mana institusi pemulihan yang disiarkan dalam *Warta* oleh Kerajaan Persekutuan dan mana-mana tempat seseorang itu dikurung, ditahan atau dikomit di bawah mana-mana undang-undang.

16. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 112 bagi menjelaskan bahawa pembacaan afidavit di luar negeri Selangor di Malaysia perlu dibuat dengan sumpah di hadapan Hakim atau Pendaftar yang dilantik bagi Mahkamah Syariah negeri itu.

17. *Fasal 16* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu seksyen 119A bagi memberi kuasa kepada pihak Mahkamah dalam melaksanakan pendengaran prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh di tempat yang dibenarkan oleh Mahkamah.

18. *Fasal 17* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu seksyen 121A bagi membolehkan Mahkamah menjalankan pengurusan kes dan peruntukan ini akan menjadi rujukan dan dibaca bersama dengan kuasa untuk membuat kaedah-kaedah di bawah seksyen 247 Enakmen No. 4 tahun 2003.

19. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda subseksyen 142(3) bagi memperuntukkan bahawa penyampaian rekod rayuan hendaklah dibuat kepada pihak yang kepadanya notis rayuan telah disampaikan atau Peguam Syarie mereka masing-masing yang mengendalikan kes yang dirayu itu, tanpa memerlukan *wakalah* baharu bagi kes rayuan tersebut.

20. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 208 bagi meluaskan kuasa Pendaftar untuk mendengar dan menyelesaikan perkara di dalam Kamar.

21. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda seksyen 221 bagi membolehkan penerimaan bayaran dalam apa jua bentuk termasuk melalui pemindahan wang secara elektronik sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah.

22. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 222 bagi memberi kuasa kepada Pendaftar untuk mengawardkan kos bagi prosiding yang dikendalikan olehnya di bawah perenggan 208(a), (aa) dan (ab).

23. *Fasal 22* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 237(6) bagi menjelaskan bahawa bon jaminan yang diberikan hendaklah dalam Borang MS 52 yang ditetapkan dalam Enakmen No. 4 tahun 2003.

24. *Fasal 23* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 245A bagi membolehkan Mahkamah menubuhkan perkhidmatan elektronik, termasuk *e-filing*, e-bicara, e-faraid dan sistem lain, bagi melaksanakan peruntukan Enakmen No. 4 tahun 2003.

---

---

*Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 17  
(Pindaan)*

25. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda subseksyen 247(1) bagi membolehkan Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah membuat kaedah-kaedah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Enakmen yang dicadangkan.

26. *Fasal 25* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 247A bagi membolehkan Ketua Hakim Syarie mengeluarkan apa-apa arahan yang bersesuaian berhubung dengan tatacara Mahkamah Syariah dan yang tidak bersifat substantif termasuk memperincikan kaedah-kaedah yang dibuat oleh Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah.

27. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama Enakmen No. 4 tahun 2003 bagi menyelaraskan ejaan perkataan “*iddah*” dengan ejaan yang terdapat dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen No. 2 tahun 2003).

28. *Fasal 27* bertujuan untuk memperuntukkan berkenaan dengan kecualian dan peralihan.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

SHAH ALAM

Bertarikh 5 Julai 2022

[MAIS.100-1/1/9; P.U. Sel. (ADV) RUU(S)05/07/03]

DATO' SALIM BIN SOIB @ HAMID  
*Penasihat Undang-Undang Negeri  
Selangor*

## A BILL

*i n t i t u l e d*

An Enactment to amend the Syariah Court Civil Procedure (State of Selangor) Enactment 2003.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Selangor as follows:

**Short title and commencement**

1. (1) This Enactment may be cited as the Syariah Court Civil Procedure (State of Selangor) (Amendment) Enactment 2022.

(2) This Enactment shall come into operation on a date to be appointed by His Royal Highness the Sultan by notification in the *Gazette*.

**Amendment of section 3**

2. The Syariah Court Civil Procedure (State of Selangor) Enactment 2003 [*Enactment No. 4 of 2003*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended in subsection 3(1)—

(a) by inserting after the definition of “Administration Enactment” the following definition:

‘ “present” includes the presence of any person by way of remote communication technology as ordered by the Court;’;

2

*Bill*

(b) in the definition of “Judge” or “Syariah Judge”, by inserting after the words “Chief Syariah Judge,” the words “a Judge of the Syariah Appeal Court,”;

(c) by substituting for the definition of “Court” or “Syariah Court” the following definition:

‘ “Court” or “Syariah Court” means the Syariah Subordinate Court or Syariah High Court or Syariah Appeal Court, as the case may be, established under subsection 55(1), (2) or (3) of the Administration Enactment;’;

(d) by substituting for the definition of “Registrar” the following definition:

‘ “Registrar” means—

(a) the Chief Registrar and Deputy Chief Registrar of the Syariah Appeal Court;

(b) the Registrar and Deputy Registrars of the Syariah High Court; or

(c) the Senior Assistant Registrar and Assistant Registrars of the Syariah Subordinate Court,

as the case may be, appointed under the Administration Enactment;’; and

(e) by inserting after the definition of “judgement debtor” the following definition:

‘ “remote communication technology” means any means of electronic communication including e-mail, video conferencing application or video network or any other digital channels as the Court thinks fit.’.

---

---

*Syariah Court Civil Procedure (State of Selangor)*      3  
(Amendment)

**Amendment of section 7**

3. Subsection 7(1) of the principal Enactment is amended by deleting the words “or any other written law”.

**Deletion of section 7A**

4. The principal Enactment is amended by deleting section 7A.

**New section 7B**

5. The principal Enactment is amended by inserting after section 7A the following section:

**“Exception to begin civil proceedings**

7B. Notwithstanding anything in this Part, if the procedures for an application have been prescribed in any other written law applicable to Court, such application shall be made in accordance to that laws and any procedures which is not stated in that laws shall be conducted according to this Enactment.”.

**Amendment of section 34**

6. Section 34 of the principal Enactment is amended—

(a) in subsection (1), by deleting the words “, before the Court or the Registrar”;

(b) in subsection (2), by substituting for the words “the proceedings” the words “the proceedings in each Court”;  
and

4

*Bill*

(c) by inserting after subsection (2) the following subsection:

“(3) The appointment of a *Peguam Syarie* under subsection (1) shall be accepted at all levels of Court which hear the case until such case is finally determined by a higher Court, unless the effect of that *wakalah* lapsed under this Part.”.

**Amendment of section 36**

7. Section 36 of the principal Enactment is amended—

(a) in the national language text, by substituting for the shoulder note the following shoulder note:

**“Penukaran Peguam Syarie”**; and

(b) by substituting for subsection (1) the following subsection:

“(1) Where a party desires to change his *Peguam Syarie*, he shall—

(a) file a notice of change in Form MS 6; and

(b) serve a copy of the notice on the previous *Peguam Syarie* and all parties not less than two days from the date of hearing of case.”.

**Substitution of section 37**

8. The principal Enactment is amended by substituting for section 37 the following section:

**“Discharge of *Peguam Syarie* at the request of parties**

**37.** (1) Where a party desires to discharge his *Peguam Syarie*, he shall file a notice of discharge in Form MS 7 and serve a copy of the notice on all parties.

---

---

*Syariah Court Civil Procedure (State of Selangor)*      5  
(Amendment)

(2) The notice of discharge under subsection (1) shall be served on the *Peguam Syarie* who represents such party not less than two days from the date of hearing of case.”.

**Amendment of section 38**

9. Section 38 of the principal Enactment is amended—

(a) by substituting for the shoulder note the following shoulder note:

**“Discharge at the request of *Peguam Syarie*”;**

(b) by substituting for the word “applies” the word “desires”;

(c) in the national language text, by substituting for the words “suatu salinan” the words “satu salinan”; and

(d) by inserting after the words “he represented” the words “not less than two days from the date of hearing of case.”.

**New section 38A**

10. The principal Enactment is amended by inserting after section 38 the following section:

**“Effective of change and discharge of *Peguam Syarie***

**38A.** (1) The change of *Peguam Syarie* under section 36 and the discharge of *Peguam Syarie* under sections 37 and 38 shall not have effect except with the leave of Court.

(2) The leave of Court under subsection (1) shall not release any party from any civil claim which may be taken under any written law against the other party due to the negligence or failure of a party to carry out responsibility after the *wakalah* is executed between the parties.”.

6

*Bill***Amendment of section 39****11.** Section 39 of the principal Enactment is amended—

(a) by renumbering the existing section as subsection (1);  
and

(b) by inserting after subsection (1) as renumbered the following subsection:

“(2) Notwithstanding subsection (1), in the case of the death of a party after the trial but before the judgement is delivered or entered, the *wakalah* of *Peguan Syarie* who represents such party shall continue to have effect unless the *Peguan Syarie* files a notice of withdrawal under section 38.”.

**Amendment of section 48****12.** Section 48 of the principal Enactment is amended—

(a) by substituting for subsection (1) the following subsection:

“(1) Where the Court is satisfied that for any sufficient reason the summons or other documents cannot be served in the ordinary manner, the Court may order that the summons or other documents be served—

(a) by affixing a copy thereof in a conspicuous place at the last known premise of the person to whom the summon or document is to be served;

(b) by registered post to the person to whom the summon or document is to be served, at his last known address; or

(c) in any other manner as the Court thinks fit.”;  
and



---

---

*Syariah Court Civil Procedure (State of Selangor)*      7  
(Amendment)

- (b) in subsection (2), by inserting after the words “subsection (1)” the words “or in addition to the order under subsection (1)”.

**Amendment of section 100**

**13.** Section 100 of the principal Enactment is amended—

- (a) by substituting for the shoulder note the following shoulder note:

**“Oral or written evidence”;**

- (b) by renumbering the existing section as subsection (1);  
and

- (c) by inserting after subsection (1) as renumbered the following subsection:

“(2) Notwithstanding subsection (1), the Court may, at the time of or before the trial of any proceeding, order that the evidence in chief of the parties or witnesses to be furnished in a written statement and affirmed at trial before the Judge, if in the circumstances of the case the Court thinks it is reasonable to order so.”.

**Amendment of section 109**

**14.** Section 109 of the principal Enactment is amended—

- (a) by substituting for the shoulder note the following shoulder note:

**“Attendance of person confined, detained or committed as witness or party”;**

8

*Bill*

(b) by substituting for subsection (1) the following subsection:

“(1) An application for an order for the production before the Court of a person confined or detained or committed in the place of detention may be made *ex parte* before the Registrar by notice in Form MS 24 and supported by an affidavit.”; and

(c) by inserting after subsection (1) the following subsection:

“(1A) For the purposes of subsection (1), “place of detention” includes—

- (a) prison, remand homes and any rehabilitation institution published in the *Gazette* by Federal Government;
- (b) approved rehabilitation centre or approved home published in the *Gazette* by Majlis; or
- (c) any place where a person is confined, detained or committed in accordance with the laws in force.”.

**Amendment of section 112**

**15.** Section 112 of the principal Enactment is amended by substituting for paragraph (b) the following paragraph:

“(b) in other states in Malaysia, before the Syariah Judge or Registrar of Syariah Court in such states; or”.

---

---

*Syariah Court Civil Procedure (State of Selangor)*      9  
*(Amendment)*

**New section 119A**

**16.** The principal Enactment is amended by inserting after section 119 the following section:

**“Hearing through of remote communication technology**

**119A.** (1) Notwithstanding section 119, any proceedings may, in the interest of justice, be heard and determined through a remote communication technology from any place.

(2) For the purposes of subsection (1), the parties shall be at the place allowed by the Court.

(3) In this section, “place” includes cyberspace, virtual space or virtual place.”.

**New section 121A**

**17.** The principal Enactment is amended by inserting after section 121 the following section:

**“Order and direction for the just, expeditious and economical disposal of proceedings**

**121A.** The Court may, at any time after the commencement of proceedings, order any party to the proceedings to be present before the Court or Registrar for the conduct of a case management to secure the just, expeditious and economical disposal of the proceedings.”.

**Amendment of section 142**

**18.** Subsection 142(3) of the principal Enactment is amended by inserting after the word “appeal” the words “or his *Peguan Syarie*”.

10

*Bill***Amendment of section 208**

**19.** Section 208 of the principal Enactment is amended—

(a) by inserting after paragraph (a) the following paragraphs:

“(aa) hear and approve the service under Part VI;

(ab) give any direction in relation to the case management before trial including—

(i) to extend or abridge any period for the execution of any action or proceeding; or

(ii) to dismiss or strike out any proceeding;”;

(b) in paragraph (e), by deleting the word “and” at the end of the paragraph; and

(c) by inserting after paragraph (e) the following paragraphs:

“(ea) order the production of a person who is in the place of detention under section 109;

(eb) carry out the duties of a bailiff;

(ec) assess the cost imposed by Court; and”.

**Amendment of section 221**

**20.** Subsection 221(3) of the principal Enactment is amended by substituting for the word “cash” the words “any manner as may be prescribed by the Court”.

**Amendment of section 222**

**21.** Section 222 of the principal Enactment is amended—

(a) by renumbering the existing section as subsection (1); and

*Syariah Court Civil Procedure (State of Selangor)* 11  
(Amendment)

(b) by inserting after subsection (1) as renumbered the following subsection:

“(2) Notwithstanding subsection (1), the Registrar may, in his discretion, award the costs of proceedings conducted under paragraphs 208(a), (aa) and (ab).”.

**Amendment of section 237**

**22.** Section 237 of the principal Enactment is amended by inserting after subsection (5) the following subsection:

“(6) A security given by bond under subsection (5) shall be in Form MS 52.”.

**New section 245A**

**23.** The principal Enactment is amended by inserting after section 245 the following section:

**“Establishment of electronic service**

**245A.** The Chief Registrar of Syariah Appeal Court may, with the approval of the Chief Syariah Judge, establish any electronic service for the purpose of carrying out the provisions of this Enactment.”.

**Amendment of section 247**

**24.** Subsection 247(1) of the principal Enactment is amended—

(a) in paragraph (d), by deleting the word “and” at the end of the paragraph;

(b) in paragraph (e), by substituting for the full stop at the end of the paragraph a semicolon; and

12

*Bill*

(c) by inserting after paragraph (e) the following paragraphs:

“(f) the procedure for proceedings through remote communication technology;

(g) the procedure on case management before trial;

(h) the procedure for enforcement and execution of order; and

(i) other matters if it thinks it is necessary for the purpose of carrying out the provisions of this Enactment.”.

#### **New section 247A**

**25.** The principal Enactment is amended by inserting after section 247 the following section:

#### **“Direction of Chief Syariah Judge**

**247A.** The Chief Syariah Judge may, from time to time, issue any direction as it thinks fit for the purpose of carrying out the provisions of this Enactment.”.

#### **Amendment of First Schedule**

**26.** The First Schedule to the principal Enactment is amended in the items under the heading “ARABIC SCRIPT FOR CERTAIN WORDS AND EXPRESSIONS” by substituting for the word “ ‘eddah” the word “ ‘iddah”.

*Syariah Court Civil Procedure (State of Selangor)*      13  
(Amendment)

**Saving and transitional**

**27.** All rules, notifications, notices, forms, approvals, appointments, orders and directions made or issued under or pursuant to any provision of written laws repealed pursuant to this Enactment shall, in so far as such rules, notifications, notices, forms, approvals, appointments, orders and directions are not inconsistent with this Enactment, continue to be in force until revoked or substituted by the rules, notifications, notices, forms, approvals, appointments, orders and directions made or issued under this Enactment.

---

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to amend the Syariah Court Civil Procedure (State of Selangor) Enactment 2003 (“Enactment No. 4 of 2003”).

2. *Clause 1* contains the short title and provision on the commencement of the proposed Enactment.

3. *Clause 2* seeks to amend subsection 3(1) by introducing the definition of “present” and “remote communication technology” and amending the definition of “Judge” or “Syariah Judge”, “Court” or “Syariah Court” and “Registrar” in line with the amendments made to Enactment No. 4 of 2003.

4. *Clause 3* seeks to amend subsection 7(1) in line with the amendment that introduces new section 7B into Enactment No. 4 of 2003.

5. *Clause 4* seeks to delete section 7A in line with the amendment that introduces new section 7B into Enactment No. 4 of 2003.

6. *Clause 5* seeks to provide for a new section 7B to enable the proceedings to be carried out according to the procedure that have been specifically prescribed in any other written law.

7. *Clause 6* seeks to amend section 34 to facilitate the process of appointment of *Pegulam Syarie* without having to pronounce the *wakalah* before the Registrar and to provide explanation on the need to file each *wakalah* in every level of Court in order for the said *wakalah* to be recorded in each case file.

This *Clause* also introduces a new subsection 34(3) to enable a *Pegulam Syarie* appointed for a case, to act on behalf of his client in other proceedings in connection with the previous case until the case is finally determined by a higher court, without requiring a new *wakalah* unless such *wakalah* has no effect as it has lapsed pursuant to sections 36, 37, 38 and 39 of Enactment No. 4 of 2003.

14

*Bill*

8. *Clause 7* seeks to amend section 36 to specify the two days period in order to be in line with the amendment of section 38.

9. *Clause 8* seeks to amend section 37 in order to standardize the use of the word “desires” as contained in section 36 and to improve the structure of sentence.

This *Clause* also specifies the period for the service of notice of discharge of *Peguam Syarie*, filed by a party, to the *Peguam Syarie* who represents the other party.

10. *Clause 9* seeks to amend section 38 to prevent the withdrawal as *Peguam Syarie* being made without the knowledge of the client.

11. *Clause 10* seeks to provide for a new section 38A to explain that the change and discharge of *Peguam Syarie* can only take into effect with the leave of Court.

12. *Clause 11* seeks to amend section 39 to clarify that in the case of a person who is represented by *Peguam Syarie* dies after the trial but before the judgement is delivered or entered, the *wakalah* of *Peguam Syarie* is still in force.

13. *Clause 12* seeks to amend section 48 to provide provision on the issuance of procedures for affixing of summons or other documents of court and to enable substituted service.

14. *Clause 13* seeks to amend section 100 in order to enable the use of written statement on parties and witnesses in Court.

15. *Clause 14* seeks to amend section 109 to extend the application of this section for the purpose of production of a person confined, detained or committed in any place of detention or rehabilitation homes and to provide authorization to the Registrar and to reduce the burden of Judge in hearing such application.

This *Clause* also introduces a new subsection 109(1A) to provide the definition of “place of detention” which includes the prison, remand homes, any rehabilitation institutions published in the *Gazette* by Federal Government and any place where a person is confined, detained or committed to under any laws.

16. *Clause 15* seeks to amend section 112 to clarify that the making of affidavit outside the state of Selangor in Malaysia must be sworn before the Judge or Registrar appointed for Syariah Court of that state.

17. *Clause 16* seeks to introduce a new section 119A to give power to Court in conducting hearing of proceedings through remote communication technology at the place allowed by the Court.



---

---

*Syariah Court Civil Procedure (State of Selangor)*      15  
(Amendment)

18. *Clause 17* seeks to introduce a new section 121A to enable the Court to conduct case management and this provision will become reference and be read together with the power to make rules under section 247 of Enactment No. 4 of 2003.

19. *Clause 18* seeks to amend subsection 142(3) to provide that the service of appeal record shall be made to the party to whom the notice of appeal is served or their respective *Peguam Syarie* who handles the appeal case, without requiring a new *wakalah* for such appeal case.

20. *Clause 19* seeks to amend section 208 to extend the power of Registrar to hear and determine matters in Chambers.

21. *Clause 20* seeks to amend section 221 to enable the receipt of payment in any form including by electronic transfer of fund as may be directed by the Chief Registrar of Syariah Appeal Court.

22. *Clause 21* seeks to amend section 222 to authorise the Registrar to award costs for proceedings conducted by him under paragraphs 208(a), (aa) and (ab).

23. *Clause 22* seeks to introduce a new subsection 237(6) to provide explanation that the security bond given shall be in the form prescribed in Enactment No. 4 of 2003.

24. *Clause 23* seeks to insert a new section 245A to enable the Court to establish an electronic service, including *e-filing*, *e-bicara*, *e-faraid* and other systems, for carrying out the provisions of Enactment No. 4 of 2003.

25. *Clause 24* seeks to amend subsection 247(1) in order for the Syariah Court Rules Committee to make rules as provided in the proposed Enactment.

26. *Clause 25* seeks to insert a new section 247A to allow the Chief Syariah Judge to issue any appropriate direction in relation to the procedures of Syariah Court and which is not substantive in nature including to particularize the rules made by the Syariah Court Rules Committee.

27. *Clause 26* seeks to amend the First Schedule of Enactment No. 4 of 2003 in order to standardize the spelling of the word “*iddah*” according to the spelling contained in the Islamic Family Law (State of Selangor) Enactment 2003 (Enactment No. 2 of 2003).

28. *Clause 27* deals with saving and transitional provisions.

16

*Bill*

*FINANCIAL IMPLICATIONS*

This Bill will not involve the State Government in any extra financial expenditure.

SHAH ALAM

Dated 5 July 2022

[MAIS.100-1/1/9; P.U. Sel. (ADV)RUU(S)05/07/03]

DATO' SALIM BIN SOIB @ HAMID  
*State Legal Adviser*  
*Selangor*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA